



**PERANAN DAYAK CULTURAL FOUNDATION (DCF) DALAM  
MEMELIHARA TARIAN NGAJAT**

**JERRY HAWKIN ANAK SUTING**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
( Program Pengurusan Seni )

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS / LAPORAN

JUDUL: PERANAN DAYAK CULTURAL FOUNDATION DALAM MEMELIHARA TARIAN NGAJAT

SESI PENGAJIAN : 2004 / 2007


Saya JERRY HAWKIN ANAK SUTING

mengaku membenarkan tesis / laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)  
TERHAD (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)  
TIDAK TERHAD

Disahkan



Tandatangan Penulis  
Tarikh : 8/5/2007

Alamat Tetap :

TR. SUTING, PUNGGU DADAK,  
95000 SRI AMAN.

Tandatangan Penyelia  
Tarikh :

**Catatan :** \* Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda  
\* Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

## **PENGAKUAN**

Projek bertajuk “**Peranan Dayak Cultural Foundation (DCF) Dalam Memelihara Tarian Ngajat**” telah disediakan oleh **Jerry Hawkin Suting** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

(Puan Noria akTugang)

Tarikh: \_\_\_\_\_

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, saya ingin bersyukur kepada Tuhan kerana atas berkat-Nya saya telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Atas keberkatan-Nya dan tanpa sifat kesabaran yang Tuhan berikan tak mungkin saya mampu menyiapkan penyelidikan ini,

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah banyak melakukan pengorbanan sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini dan pengajian saya di UNIMAS. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya yang lain yang telah menyokong dan berdoa untuk saya sehingga saya berjaya menamatkan pengajian ini. Begitu juga dengan ahli-ahli keluarga yang lain, terima kasih saya ucapkan kepada kalian.

Tidak lupa juga, ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia saya Puan Noria anak Tugang iaitu salah seorang pensyarah Program Pengurusan Seni yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya selama saya menjalankan penyelidikan ini. Begitu juga kepada pensyarah yang lain Puan Qistina Donna Lee Abdullah, Cik Karen Audrey Samy, Cik Ema Suhaida dan Puan Rahah Hj Hasan setinggi penghargaan saya berikan kepada semua. Segala tunjuk ajar dan sokongan yang telah diberikan sangat berharga buat saya dan tidak akan dilupakan sampai bila-bila.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden yang telah ditemuramah iaitu Encik Mikai Mandau (Pegawai Tadbir di DCF), Puan Sinorita dan Cik Lina Akit yang telah memberikan kerjasama kepada saya. Begitu juga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua sahabat yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan ini. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sepanjang saya melakukan penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKASURAT
Halaman Tajuk	i
Borang Pengesahan	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	iv - v
Isi Kandungan	vi - vii
Abstrak	viii
<i>Abstract</i>	viii-ix

### BAB 1 : Pengenalan

1.1 Pengenalan	1-3
1.1.1 Asal usul Masyarakat Iban	3-5
1.1.2 Dayak Cultural Foundation	5-7
1.2 Definisi	
1.2.1 Tarian Ngajat	7-10
1.2.1.1 Ajat Ngalu Temuai	10
1.2.1.2 Ajat Bujang Berani	10
1.2.1.3 Ajat Atas Tawak	11
1.2.1.4 Ajat Lesong	11
1.2.1.5 Ajat Indu	12
1.2.1.6 Ajat Nanka Kuta	12

1.2.1.7 Ajat Ngabang Gawai	13
1.3 Objektif Kajian	14-15
1.4 Hipotesis	15
1.5 Skop Kajian	15-16
1.6 Permasalahan Kajian	16-17
1.7 Kepentingan Kajian	18-19
1.8 Kesimpulan	20-21

## **BAB 2 : Sorotan Kesusasteraan**

2.1 Pengenalan	22-23
2.2 Kandungan Umum	23-29
2.3 Kesimpulan	29-31

## **BAB 3 : Metodologi Kajian**

3.1 Pengenalan	32-33
3.2 Lokasi Kajian	33-35
3.3 Sumber Data	35-36
3.3.1 Data Primer	36-38
3.3.2 Data Sekunder	38-39
3.4 Populasi Kajian	39-40
3.5 Persampelan	40-41
3.6 Instrumen Kajian	41-42

3.7 Limitasi Kajian	42-44
3.8 Rumusan dan Kesimpulan	44-45

#### **BAB 4 : Analisa Data dan Dapatan Kajian**

4.1 Pengenalan	46
4.2 Penganalisaan Data	
4.2.1 Kaedah Kuantitatif	47-62
4.2.2 Kaedah Kualitatif	63-68
4.2.3 Kaedah Pemerhatian	69-71
4.3 Kesimpulan	71-73

#### **BAB 5 : Cadangan dan Rumusan Kajian**

5.1 Pengenalan	74-75
5.2 Rumusan	75-79
5.3 Cadangan	79-84
5.4 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	84-85
5.5 Kesimpulan	86-89
<b>Glosari</b>	90-91
<b>Bibliografi</b>	92-94
<b>Borang Soal Selidik</b>	96-99
<b>Soalan Temuramah</b>	101-109
<b>Lampiran</b>	111-120



## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini dijalankan bagi mengetahui sejauhmana peranan Dayak Cultural Foundation dalam memelihara tarian tradisional kaum Iban iaitu tarian ngajat yang semakin dilupakan oleh masyarakat pada masa kini terutamanya masyarakat Iban. Dengan ini, penyelidik akan menyentuh segala usaha yang dijalankan oleh Dayak Cultural Foundation bagi memastikan tarian ngajat terus berkembang dan mampu menonjolkan lagi keunikan kebudayaan dan kesenian masyarakat Iban.

## ABSTRACT

The purpose of this research is to ascertain the role of the Dayak Cultural Foundation in preserving the traditional dance of the Iban, the '*ngajat*' dance, which is slowly being forgotten. The researcher will touch on the efforts by the Dayak Cultural Foundation in ensuring that the '*ngajat*' dance will survive and showcase the uniqueness of Iban culture and arts.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik dan kompleks kerana terkenal dengan kesenian dan kebudayaannya yang tersendiri. Rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai jenis agama, kaum dan adat resam yang berlainan. Tarian merupakan salah satu bentuk kesenian yang sangat popular di Malaysia. Setiap kaum mempunyai tarian yang tersendiri bagi menggambarkan identiti kesenian kaum tersebut.

Keunikan tarian setiap kaum yang terdapat di Malaysia ini telah menarik ramai pelancong-pelancong dari luar negara untuk datang ke negara ini bagi menyaksikan tarian-tarian tersebut. Ini telah menyebabkan setiap kaum yang terdapat di Malaysia sentiasa memelihara keunikan tarian tradisi mereka agar dapat dikekalkan dan dipersembahkan kepada orang ramai terutamanya pelancong-pelancong yang datang dari negara luar. Dengan cara memelihara tarian tradisi tersebut, maka setiap tarian kaum itu akan sentiasa dikenali dan dapat dipelajari oleh kaum-kaum lain.

Tarian pelbagai kaum di Malaysia dipersembahkan di pelbagai acara seperti upacara perkahwinan, pesta menuai, majlis-majlis keraian peringkat negeri dan kebangsaan dan acara-acara keramaian yang lain. Tarian-tarian setiap kaum dipersembahkan bagi menghiburkan setiap pengunjung yang datang ke majlis-majlis keramaian tersebut agar mereka dapat mempelajari dan melihat keunikan setiap tarian-tarian tersebut.

Salah satu tarian yang sangat popular di Sarawak ialah tarian ngajat yang merupakan tarian tradisional kaum Iban di Sarawak. Tarian ngajat ditarikan oleh Orang Ulu dan Orang Iban khususnya mereka yang tinggal di kawasan pedalaman. Tarian ngajat ini lebih popular ditarikan apabila tiba musim perayaan seperti perayaan Hari Gawai dan dipersembahkan kepada umum dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis-majlis rasmi kerajaan dan majlis tidak rasmi yang lain.

Selain itu, tarian ngajat juga merupakan tarian yang unik dengan gerak tari dan langkah yang pelbagai dan mempunyai maksud yang berlainan bagi setiap langkah yang ditarikan. Tarian ngajat terbahagi kepada beberapa jenis tarian iaitu *Ajat Lesong*, *Ajat Indu*, *Ajat Bujang Berani*, *Ajat Nanka Kuta*, *Ajat Pua Kumbu*, *Ajat Atas Tawak*, *Ajat Ngahang Gawai* dan *Ajat Ngalu Temuai*. Setiap tarian tersebut mempunyai gerak tari dan maksud yang berlainan.

Pada zaman dahulu, tarian ngajat tidak boleh dipersembahkan secara sesuka hati kerana tarian tersebut dipercayai mempunyai semangat ritual yang tertentu. Hanya penari yang layak sahaja yang dapat menarikan tarian ngajat seperti pahlawan Iban dan mereka yang telah mendapat kebenaran melalui mimpi. Tetapi, pada zaman sekarang, tarian ngajat tidak lagi mempunyai semangat ritual yang tertentu kerana tarian tersebut dapat dipersembahkan di mana-mana sahaja dan dapat ditarikan oleh sesiapa sahaja yang berminat mempelajari tarian tersebut.

Dalam melakukan penyelidikan terhadap tarian tradisional masyarakat Iban, kita memerlukan pendekatan yang kuat untuk mengetahui di mana asal-usul masyarakat Orang

Iban yang bangsanya pada mulanya telah menetap di Batang Ai. Sejak dari itulah generasi tua masyarakat orang Iban tidak lagi berhijrah ke mana-mana. Mereka berpendapat bahawa mereka harus mengekalkan pakaian tradisi dan pengetahuan atau kemahiran mereka untuk mempersembahkan tarian dan muzik tradisional masyarakat mereka. (*Nicholas Bawin Anggat, 1997*)

### **1.1.1 Asal-usul Masyarakat Iban**

Masyarakat Iban merupakan suku kaum yang terbesar di Sarawak diikuti kaum Cina, Melayu, Bidayuh, Melanau dan kaum-kaum lain. Terdapat pelbagai suku kaum masyarakat Iban seperti Balau, Sebuyau, Lemanak dan lain-lain. Masyarakat Iban masih kuat berpegang dengan identiti tradisi mereka di samping mengamalkan pelbagai jenis adat resam yang unik. Dari segi geografi, kebanyakan masyarakat Iban mendiami beberapa kawasan pedalaman yang tertumpu di tengah-tengah negeri Sarawak dan sebilangan kecilnya menetap di kawasan-kawasan bandar

Pertama kali masyarakat Orang Iban atau dikenali juga sebagai *Sea Dayak* mula berhijrah ke Sarawak pada tahun 1540 hingga 1800. Mereka berhijrah ke Sarawak dari kawasan Kapuas di Kalimantan yang mana di kawasan tersebut masih ada orang Iban yang menetap di kawasan itu. Kawasan asal yang ditujui oleh orang Iban semasa berhijrah ke Sarawak ialah di sekitar kawasan Lubok Antu. Daripada kawasan tersebut, mereka menetap di kawasan Batang Ai, sungai Skrang, Saribas dan Layar Basin.

Penghijrahan kedua orang Iban ke Sarawak pada awal tahun 1800 ke kawasan Sungai Rajang dan dibawah kawasan Sungai Baram. Manakala, penghijrahan ketiga pula bermula pada awal tahun 1900 dan penghijrahan kali ini telah membawa orang Iban ke kawasan Sungai Limbang, Tatau dan Sungai Kemena. Kebanyakan masyarakat orang Iban tinggal di rumah panjang yang diperbuat daripada kayu yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Mereka melakukan aktiviti harian seperti menanam padi yang masih lagi diamalkan sehingga ke hari ini.

Pada zaman dahulu juga, orang Iban mengamalkan amalan memenggal kepala bagi melambangkan keberanian seseorang pahlawan Iban. Mereka mengadakan upacara secara besar-besaran yang dipanggil *Gawai Kenyalang* bagi meraikan kepala yang diperolehi. Mereka percaya kepada kuasa ajaib kepala tersebut yang boleh memberi kekuatan, kebaikan dan kemakmuran kepada rumah panjang.

(*The Iban. Sarawak Gazette*, Vol. CXXIV no. 1536. )

Walau bagaimanapun, elemen yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Iban ialah keunikan budaya dan warisan masyarakatnya yang tersendiri. Kini, keunikan budaya dan warisan tersebut telah disesuaikan mengikut peredaran masa, agama dan mentaliti masyarakatnya tetapi masih mengekalkan ciri-ciri keasliannya. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengetengahkan kesenian masyarakat Iban yang sangat unik iaitu tarian ngajat. Bagi masyarakat Iban, tarian ngajat melambangkan identiti kaum mereka yang merupakan kaum minoriti di Sarawak.

### **1.1.2 Dayak Cultural Foundation**

Bagi memastikan ke semua tarian ngajat ini terus berkekalan dan berkembang, maka, Dayak Cultural Foundation telah berusaha untuk memelihara tarian tersebut dengan menjalankan pelbagai aktiviti dan usaha yang berterusan agar tarian ngajat tidak pupus. Dayak Cultural Foundation juga turut bekerjasama dengan badan-badan kerajaan dan NGO bagi memastikan tarian ngajat terus berkekalan dan sentiasa menjadi kebanggaan masyarakat orang Dayak.

Dayak Cultural Foundation merupakan pihak swasta yang ditubuhkan bertujuan untuk memelihara kesenian dan kebudayaan bagi tiga kaum terbesar di Sarawak iaitu Kaum Iban, Kaum Bidayuh dan Kaum Orang Ulu. Objektif bagi Dayak Cultural Foundation adalah untuk memupuk, memulihara dan memelihara keaslian muzik dan tarian tradisional pelbagai etnik terutamanya masyarakat Iban, masyarakat Bidayuh dan masyarakat Orang Ulu dalam bentuk dan corak yang asal.

Antara aktiviti utama mereka ialah menyediakan tarian tradisional bagi menyambut kedatangan, menghiburkan, untuk apa jua jenis perayaan dan pementasan khusus bagi persembahan untuk Perayaan Gawai Dayak peringkat negeri dan kebangsaan. Bagi pertunjukan kebudayaan, mereka menyediakan pakej yang berlainan harga bergantung kepada saiz pertunjukan kebudayaan dan jenis tarian tradisional yang akan dipersembahkan.

Selain itu, Dayak Cultural Foundation juga mengadakan kelas tarian ngajat dan muzik tradisional. Mereka juga melatih penari yang terdiri daripada orang dewasa dan kanak-kanak untuk mempersembahkan pelbagai jenis tarian ngajat dan juga bermain alat-alat muzik tradisional. Dayak Cultural Foundation juga mengumpul dan memelihara pakaian tradisional orang Dayak dan artifak-artifak yang lain. Tetapi, buat masa ini mereka lebih menumpukan kepada mendapatkan alat-alat muzik yang lebih cepat pupus.

Disebabkan peranan yang dimainkan oleh Dayak Cultural Foundation dalam memelihara tarian dan muzik tradisional masyarakat Iban, Bidayuh dan Orang Ulu, ini telah mendorong penyelidik untuk membuat kajian dengan lebih mendalam lagi terhadap Dayak Cultural Foundation berkaitan dengan tarian ngajat masyarakat Iban. Pengkaji ingin mengetahui sejauhmana peranan Dayak Cultural Foundation dalam memelihara dan mengembangkan tarian ngajat ke peringkat yang lebih tinggi agar tarian tersebut terus berkekalan sepanjang zaman.

Selain itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KeKKWa) juga merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara tarian ngajat ini. Tetapi, kajian penyelidik lebih fokus kepada peranan Dayak Cultural Foundation kerana mereka merupakan organisasi swasta yang bergerak secara aktif dan mengadakan pelbagai aktiviti dalam memelihara tarian ngajat.



## 1.2 DEFINISI

### 1.2.1 Tarian Ngajat

Tarian ialah gerakan badan serta tangan dan kaki berirama mengikut rentak muzik. ( *Kamus Dewan, 2002* ). Tarian ialah sejenis komunikasi non-verbal yang bersifat sejagat yang diperlihatkan ciri-ciri kebudayaan sesebuah masyarakat iaitu nilai-nilai, norma-norma, emosi dan pembawaan atau tingkahlaku. Ia merupakan sebahagian daripada apa-apa jua bentuk masyarakat yang dipamerkan sama ada agama atau kepercayaan atau kedua-duanya bergantung kepada sifat masyarakat tersebut ( *Mohd. Ghouse Nasuruddin, 1995* ).

Manakala, ngajat bagi orang Iban adalah tarian yang melatih orang-orang Iban berperang. Latihan ini adalah latihan rohani dan jasmani dan pada zaman dahulu yang ditarikan selepas mereka kembali dari berperang atau '*ngayau*'. Ngajat ialah tarian tradisional suku kaum Iban, Kenyah, Kayan, Dayak Darat, dan Bidayuh di Sarawak ( *Kamus Dewan, 2001-2005* ).

Tarian ngajat sangat popular dalam kalangan Orang Ulu di Sarawak. Bagi kaum Iban pula, tarian ngajat sangat popular dipersembahkan apabila tiba musim perayaan seperti Hari Gawai, Hari Krismas dan majlis perkahwinan. Dalam meraikan perayaan-perayaan ini, kebiasaannya, masyarakat orang Iban akan mempersembahkan tarian ngajat sebagai hiburan dan menceriakan lagi suasana semasa menyambut perayaan-perayaan tersebut.

Semasa menarikan tarian ngajat, penari-penari lelaki akan memakai kain merah dan putih yang dikenali sebagai *sirat* dan menggunakan baju *selampai* yang diperbuat daripada pua kumbu.. Mereka juga akan memakai topi bulu burung kenyalang yang dikenali sebagai *lanjang* yang melambangkan ciri-ciri kepahlawanan. Penari juga akan memegang perisai yang dikenali sebagai *terabai* sambil memegang pedang atau *ilang*.

Manakala bagi kaum perempuan pula, mereka akan memakai *sugu tinggi* di atas kepala dengan menggunakan kain yang diperbuat daripada pua kumbu dan dihiasi dengan duit syiling di sekeliling kain tersebut yang dikenali sebagai *kain tating*. Baju yang digunakan juga diperbuat daripada pua kumbu yang dikenali sebagai *selampai* yang dililitkan pada badan penari perempuan. Mereka juga akan menggunakan sejenis kraftangan yang diperbuat daripada manik yang dikenali sebagai *marik empang* diletakkan di atas bahu mereka.

Selain itu, mereka juga akan menggunakan gelang perak di tangan dan kaki yang diletakkan di kedua-dua belahnya. Penari perempuan juga akan menggunakan *sugu lengkap*, *blaus beludu*, *kain sulam*, *lampit*, *nyawir*, *marik perak*, *antin*, *tumpa pirak*, *grunchong kaki*, dan *saputangan*. Penari lelaki dan wanita akan menarikan tarian ngajat bersama dengan iringan irama muzik yang dibunyikan dari alat-alat seperti gong, *gendang*, *behendai* dan *engkerumung*.

Penyelidik akan menerangkan secara ringkas setiap jenis tarian ngajat yang sangat popular dalam kalangan masyarakat orang Iban. Setiap tarian ngajat tersebut mempunyai makna yang tersendiri dan sering dipersembahkan di khalayak umum. Selain itu, setiap

jenis tarian ngajat tersebut juga mempunyai gerak tari yang berlainan dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Antara tarian ngajat yang popular ialah :

#### **1.2.1.1 Ajat Ngalu Temuai**

Tarian ini memang popular dalam masyarakat kaum Iban. Tarian ini ditarikan oleh gadis-gadis yang berpakaian lengkap penuh tradisi sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan tetamu yang hadir ke rumah panjang mereka semasa perayaan Hari Gawai atau perayaan-perayaan yang lain. Tarian ini boleh dipersembahkan pada majlis keramaian atau menyambut kedatangan tetamu.

#### **1.2.1.2 Ajat Bujang Berani**

Tarian ini menggambarkan kegagahan, kekebalan dan keberanian pahlawan Iban pada masa dahulu. Gerakan tarian ini sangat agresif seolah-olah bertempur menentang musuh. *Parang ilang* dan *terabai* digunakan untuk mempertahankan diri. Tarian ini boleh dipersembahkan pada majlis keramaian sebagai hiburan kepada para tetamu yang hadir.

#### **1.2.1.3 Ajat Atas Tawak**

Tarian ini selalunya ditarikan oleh gadis-gadis kaum Iban. Ini menunjukkan gadis kaum Iban bukan sahaja hanya boleh bertenun tetapi mempunyai bakat untuk menari di atas gong. Tarian ini hanya sekadar untuk berhibur dan juga untuk majlis keramaian.

#### **1.2.1.4 Ajat Lesong**

Keindahan pergerakan dalam tarian *Ajat Lesong* adalah serupa dengan *Ajat Bujang Berani*. Hanya yang dapat membezakan persembahan tarian ini adalah penari lelaki akan menari sambil mengangkat *lesong* hingga ke paras bahu menggunakan gigi. Oleh itu, kekuatan dan teknik bagi mengangkat *lesong* yang beratnya sekitar 20 kilogram diperlukan ketika mempersembahkan tarian ini.

Disebalik tarian ini, turut dipamerkan suasana keriuhan para petani melakukan aktiviti menumbuk padi dengan membawa bersama peralatan seperti *alu*, *sintung*, dan *chapan* bagi menandakan kedatangan rezeki yang melimpah serta menghalau semangat jahat.

#### **1.2.1.5 Ajat Indu**

Tarian ini memang popular dalam masyarakat Iban. Tarian ini hanya boleh ditarikan oleh kaum wanita sahaja. Tarian ini sesuai ditarikan di majlis keramaian, majlis perkahwinan atau menyambut tetamu yang datang berkunjung ke rumah panjang kaum Iban. Di kawasan pedalaman tertentu, tarian ini akan dipersembahkan oleh sekumpulan kaum wanita yang berpakaian lengkap yang cantik sambil ditarikan bersama pahlawan Iban dengan pelbagai jenis gerak tari yang mempunyai cerita dibaliknya.

### **1.2.1.6 Ajat Nanka Kuta**

*Ajat Nanka Kuta* ini mempunyai simbolik yang tinggi, menggambarkan kenduri untuk pahlawan yang gagah. Penari-penari memakai pakaian yang penuh dan tangan dengan pedang perang dan hiasan yang penuh warna-warni. Penari akan mempersembahkan tarian tersebut dengan berani, pelbagai jenis gerak tari yang pantas sambil sekali-sekala melaung.

### **1.2.1.7 Ajat Ngabang Gawai**

Semasa menyambut perayaan Hari Gawai, masyarakat Iban akan berkunjung ke rumah sanak-saudara dan rakan-rakan bagi memeriahkan lagi suasana perayaan tersebut. Dengan cara tersebut, mereka dapat mengekalkan semangat bermasyarakat dan setia kawan yang telah lama terjalin. Tujuh hari sebelum perayaan Hari Gawai bermula, *ketua Gawai* akan menghantar *Piring Ngambi Ngabang* untuk menjemput penduduk dari rumah panjang yang lain berkunjung ke rumah panjang mereka.

Apabila tiba Hari Gawai, penduduk dari rumah panjang yang telah dijemput akan dipersembahkan dengan tarian *Ngajat Ngabang Gawai*. Mereka akan bersama-sama meraikan perayaan tersebut dengan semangat yang muhibbah dan suasana yang meriah.

Selain itu, tarian ngajat juga telah dibahagikan kepada empat kategori iaitu :

#### **A) Tarian Ritual**

- *Ngerandang Jalai, Ngelalau, Berayah Pupu Buah Rumah, Ngeliling Pun Sabang dan Naku Antu Pala.*

#### **B) Tarian Untuk Persembahan**

- *Ajat Bujang Berani, Ajat Lesung dan Ajat Indu.*

#### **C) Tarian Jenaka**

- *Ajat Kera, Ajat Muar Kesa, Ajat Matak Wi, Ajat Nyumpit, Ajat Bekayuh, Ajat Mabuk dan tarian lain yang berkaitan dengan kelakuan binatang.*

#### **D) Pencha atau Kuntau**

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik telah memilih beberapa objektif yang penyelidik rasakan sesuai dengan kajian yang dibuat. Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini ialah ingin memartabatkan tarian ngajat agar terus kekal dan berkembang dari semasa ke semasa. Penyelidik juga ingin menyedarkan golongan muda pada masa kini agar terus menghargai dan memelihara tarian ngajat yang merupakan identiti masyarakat Iban supaya terus berkembang dan tidak mudah dipengaruhi oleh budaya luar yang akan memusnahkan tarian tradisi masyarakat Iban.

Penyelidik juga ingin menanamkan minat dan kesedaran kepada semua kaum yang ada di Sarawak yang kaya dengan warisan kebudayaan dan kesenian agar terus mengekalkannya. Selain itu, penyelidik juga ingin menyedarkan masyarakat bahawa

kebudayaan dan kesenian tradisi merupakan sebahagian daripada kehidupan kita yang harus dikekalkan. Begitu juga, penyelidik ingin menjadikan hasil kajian yang diperolehi nanti dapat dijadikan panduan oleh mana-mana pihak yang ingin memelihara dan mengekalkan tarian ngajat.

#### **1.4 HIPOTESIS**

Hipotesis yang dipilih oleh penyelidik ialah orang muda kurang berminat dengan tarian ngajat kerana perubahan hidup sosial pada masa kini. Pengkaji memilih hipotesis ini kerana pada masa kini orang muda lebih berminat terhadap tarian moden terutamanya tarian yang datang dari negara Barat. Tarian-tarian moden ini telah mengubah persepsi golongan muda terhadap tarian tradisional mereka sendiri dan menyisihkan tarian tradisi tersebut semata-mata ingin mengagungkan tarian dari Barat yang lebih moden.

#### **1.5 SKOP KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, penyelidik lebih fokus kepada perkara yang berkaitan dengan tarian ngajat sahaja. Penyelidik juga akan mengkaji apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Dayak Cultural Foundation dalam memelihara tarian ngajat tersebut. Selain itu, penyelidik juga akan mengkaji bagaimana cara-cara Dayak Cultural Foundation memelihara tarian ngajat agar terus kekal dan berkembang.

Penyelidik juga akan mengkaji apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Dayak Cultural Foundation dalam memelihara tarian ngajat tersebut. Kajian ini juga akan

mengkaji sejauhmana kejayaan Dayak Cultural Foundation dalam memelihara dan mengembangkan tarian ngajat. Melalui kajian ini nanti, penyelidik akan dapat mengetahui keberkesanan setiap usaha yang telah diambil oleh Dayak Cultural Foundation dalam memelihara dan mengekalkan tarian ngajat.

## **1.6 PERMASALAHAN KAJIAN**

Pada masa kini, golongan muda lebih berminat mempelajari tarian yang datang dari negara Barat seperti tarian hip-hop, rap dan tarian popular dari Barat yang lain. Mereka seolah-olah lebih suka mempelajari budaya yang datang dari luar daripada mempelajari budaya sendiri dan mereka sanggup menyetepikan budaya sendiri yang lebih baik daripada budaya orang luar.

Di sini, pengkaji telah melihat bahawa golongan muda telah menyisihkan tarian tradisi sendiri kerana mereka lebih suka kepada tarian baru yang lebih moden. Mereka lebih mengagung-agungkan tarian moden tersebut kerana mereka menganggap tarian tradisi tarian yang ketinggalan zaman. Selain itu, kurangnya pendedahan dan tunjuk ajar daripada golongan tua yang kebanyakannya tidak tahu mengenai tarian tradisi juga merupakan faktor penyumbang kepada masalah ini.

Tarian tradisi kaum juga jarang dipersembahkan kepada golongan muda berbanding tarian moden yang lain dan keadaan ini menyebabkan golongan muda lebih memahami dan meminati sekaligus terpengaruh dengan tarian moden. Pada masa kini, tarian tradisi hanya dipersembahkan apabila ada perayaan-perayaan tertentu sahaja.